

PM catat rekod gulung perbincangan paling lama

Barulah saya tahu rakyat Malaysia banyak duit. RM1 bilion pun dapat dibeli cepat. Saya tidak sangka nilai itu dapat dihabiskan dalam tempoh satu jam empat puluh minit

AHMAD
BADAWI
Perdana
Menteri

Laporan FAUZI JAAFAR, SADATUL MAHIRAN ROSLI dan S. ANAND KUMAR

KUALA LUMPUR 27 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mencatat rekod sebagai Perdana Menteri yang membuat ucapan penggulungan paling panjang dan lama di Dewan Rakyat, iaitu selama 2 jam 50 minit.

Tepat pukul 2.30 petang, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memasuki Dewan Rakyat untuk memulakan penggulungan usul Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) setelah dibahaskan selama 10 hari.

Ia disampaikan dengan tenang oleh Abdullah dan mendapat sokongan daripada Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN).

Sebahagian besar ucapannya itu dilakukan tanpa teks.

Barisan pembangkang bagaimanapun mengambil kesempatan untuk mencelah dengan mengajukan beberapa soalan termasuk isu penswastaan, inisiatif pembiayaan swasta (PFI), modal insan, ekuiti masyarakat India, pemakaian tudung polis wanita bukan Islam, Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku (IPCMC).

Lim Kit Siang (DAP- Ipoh Timur), yang mengetuai barisan pembangkang, membangkitkan isu DEB, IPCMC dan penswastaan sebelum diikuti oleh anggota pembangkang lain.

Walaupun diasak bertalu-talu dengan soalan-soalan berat, Abdullah nyata tidak terjejas malah mampu menjawab secara selamba dan sekali-sekala bergurau dengan pembangkang.

Misalnya semasa menjawab soalan M. Kulasegaran (DAP-Ipoh Barat) mengenai ketidakpuasan rakyat terhadap penjualan Amanah Saham Malaysia (ASM) yang habis dijual dalam tempoh kurang dua jam dan mendakwa ia dibolot oleh golongan tertentu, Perdana Menteri berkata:

"Barulah saya tahu rakyat Malaysia banyak duit dan RM1 bilion pun dapat dibeli dengan cepat dan saya tidak sangka nilai itu dapat dihabiskan dalam tempoh

masa satu jam empat puluh minit.

"Mana ada orang kaya yang beli, 80 peratus lebih dibeli bukan dibeli blok-blok orang kaya, orang biasa beli, mereka mungkin pinjam duit dengan cepat, mereka ada cara-cara lain untuk mendapat wang untuk membeli saham itu.

"Orang yang beli itu orang berpendapatan sederhana dan bukan orang kaya yang beli."

Sifat tenang Abdullah jelas kelihatan semasa mengendalikan Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) yang mendesak kerajaan menarik balik arahan pemakaian tudung bagi anggota polis wanita bukan Islam semasa perbarisan.

Abdullah mengulangi penjelasan yang pernah dibuatnya beberapa kali sebelum ini bahawa pemakaian tudung tidak boleh dikaitkan dengan agama kerana ia merupakan pakaian seragam yang dipakai pada majlis rasmi sahaja dan tidak memudaratkan.

Po Kuan bagaimanapun masih tidak berpuas hati dengan penjelasan itu dan bertegas mengaitkan pemakaian tudung dengan agama Islam.


Tindakan wakil rakyat DAP itu mendorong Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut) dan Datuk Mohamed Aziz (BN-Sri Gading) bangun mencelah dan membangkitkan bahawa orang Kristian, Yahudi dan India juga pernah memakai tudung.

Keengganan Po Kuan untuk terus tidak menerima penjelasan menyebabkan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Ramli Ngah Talib terpaksa campur tangan dengan memintanya duduk.

Dalam ketenangan Abdullah menggulung perbincangan usul itu, bagaimanapun tergambar sedikit kekecewaan apabila memberi penjelasan mengenai nilai projek terbengkalai dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Begitu juga semasa menjawab soalan-soalan yang sensitif, Abdullah sentiasa menjawabnya dengan berhati-hati terutamanya dalam isu IPCMC.

"Saya bukan melengahkan keputusan, tetapi ia perlu dibuat berhati-hati dengan



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Setiausaha Luar Filipina, Alberto G. Ramulo yang mengadakan kunjungan hormat ke pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, semalam.

Ramulo dalam lawatan tiga hari ke negara ini bermula kelmarin dan dijangka menghadiri Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Filipina Ke-6 di Putrajaya hari ini.

- Bernama

mengambil kirapelbagai aspek dan banyak lagi pandangan yang masih saya terima, jadi saya kena tengok dulu," katanya.

Abdullah jelas semakin hiba apabila mengambil kesempatan menyampaikan amanat kepada rakyat Malaysia di akhir penggulungan.

"Niat saya ikhlas, harap tiada orang mempersoalkan tentang keikhlasan niat

yang saya nak laksanakan itu... niat saya kerana Allah," katanya sambil meminta maaf dan ampun sekiranya ada kekurangan dan kesilapan sepanjang pemerintahannya.

Usul RMK-9 itu akhirnya diluluskan setelah 10 hari dibahaskan oleh ahli-ahli Parlimen dan lima hari digulung oleh menteri-menteri Kabinet.